

Jenis Akhbar : Berita Harian

Tarikh : 22/03/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / Bisnes (58)

ANGKASA unjur raih pendapatan RM42b

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) mengunjurkan pendapatan melebihi RM42 bilion bagi hampir 14,000 koperasi di seluruh negara pada tahun ini.

Tahun lalu, pendapatan sebanyak RM39.7 bilion diperoleh semua koperasi berdaftar di negara ini, yang menyumbang kira-kira tiga peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata unjuran itu bukan sahaja realistik, malah tidak mustahil sekiranya angka yang dicatat melebihi apa yang disasarkan.

"Keyakinan ini disokong pelbagai program dan aktiviti perniagaan berimpak tinggi yang dijalankan hampir 14,000 gerakan koperasi di Malaysia.

"Daripada jumlah keseluruhan, kira-kira 10,000 koperasi bernaung di bawah ANGKASA," katanya selepas menghadiri Persidangan ANGKASA Terengganu 2018 di Kuala Nerus, Terengganu, semalam.

Tulang belakang kerajaan

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, ANGKASA juga berharap peranan koperasi yang boleh menjadi tulang belakang kerajaan, di-

iktiraf menerusi penyelesaian beberapa isu yang masih lagi berbangkit.

"Antaranya berhubung permintaan ANGKASA supaya koperasi diiktiraf sebagai entiti perniagaan secara keseluruhan supaya setiap kali ingin memohon lesen atau peruntukan, kami tidak lagi disuruh menubuhkan anak syarikat kerana jika tidak, sukar untuk berkembang.

"Kami harap isu ini dapat diselesaikan dan perlu diingatkan, gerakan koperasi di Malaysia mempunyai 6.5 juta ahli atau 44 peratus daripada kira-kira 14 juta pengundi berdaftar," katanya.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya bercadang meminda undang-undang kecil (UUK) ANGKASA bagi membolehkan perwakilan pada Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA (PKTA) diwakili 20 peratus daripada wakil negeri.

"Sekarang ini, semua perwakilan negeri boleh menghadiri PKTA yang mana tempat persidangan tidak dapat menampung jumlah yang hadir, kecuali ia dibuat di stadium.

"Untuk tahun ini, kita jangka kira-kira 7,000 perwakilan hadir di PKTA yang akan diadakan di PWTC (Pusat Dagangan Dunia Putra) 12 Mei nanti," katanya.



Keyakinan ini disokong pelbagai program dan aktiviti perniagaan berimpak tinggi"

Abdul Fattah Abdullah,
Presiden ANGKASA

Perpustakaan Koperasi
Malaysia